

16 APR 2004

Asmah-Kebumi

ISTERI TUN GHAFAR SELAMAT DIKEBUMIKAN DI TANAH PERKUBURAN JLN AMPANG

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Jenazah Toh Puan Asmah Alang, isteri bekas timbalan perdana menteri Tun Ghafar Baba, selamat dikebumikan

di tanah perkuburan Jalan Ampang di sini pada pukul 10.30 pagi ini.

Asmah, 78, meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai pada pukul 12.15

pagi ini selepas dimasukkan ke hospital itu sejak 26 Mac lepas.

Jenazah allahyarham sebelum itu disembahyang di kediamannya di Lorong

Bukit Pantai 5, Bukit Pantai, di sini.

Antara orang kenamaan yang hadir di kediaman allahyarham bagi memberikan penghormatan terakhir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri

Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pertanian dan

Industri Asas Tani Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Shafie Apdal.

Turut hadir ialah isteri bekas Perdana Menteri Tun Dr Siti Hasmah

Mohamad Ali dan anaknya Datin Paduka Marina Mahathir, bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Khalid Yunus dan bekas Menteri Besar

Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib.

"Toh Puan meninggal dunia kerana jangkitan darah yang teruk.

Beliau

pada mulanya dimasukkan ke hospital kerana serangan jantung selain menghidap penyakit asma," kata menantu Asmah, Noorjehan Ally, 53, ketika

ditemui di sini hari ini.

Asmah mempunyai 10 orang anak hasil perkongsian hidup dengan Ghafar

iaitu allahyarham Sharani, Mohd Tamrin, Salmah, Zainun, Mohd Sofi, Asri,

allahyarham Rosman, Hamidah, Sarah dan allahyarham Kartini.

Beliau turut meninggalkan 16 orang cucu dan seorang cicit.

-- BERNAMA

FAI LD KHY LAT